

Strategi Rujukan dan Kesantunan dalam Forum Wacana Sinar Harian

Reference Strategy And Politeness In Wacana Sinar Harian Forum

Abd Ganing Laenggang¹, Ab Razak Ab Karim², Riduan Makhtar³

ABSTRAK

Salah satu ciri utama kesantunan bahasa ialah ujaran yang disertakan dengan sumber rujukan dan dalil yang sah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan strategi rujukan dalam kalangan ahli forum Siri Wacana Sinar Harian. Persoalan kajian ialah sejauh mana kekerapan ahli forum menggunakan sumber rujukan ketika berforum. Tiga rakaman forum dipilih untuk dianalisis, iaitu (i) Peranan Ulama Menasihati Pemimpin, (ii) Apa Di sebalik IMDB, dan (iii) Politik: Perjuangan atau Populariti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kajian yang menganalisis transkripsi ucapan menggunakan kerangka konsep kesantunan bahasa, khususnya perincian kerangka teori oleh Noriati Ab Rashid (2005). Menurut Noriati, Kategori Sumber Rujukan adalah sebahagian daripada konsep kesantunan bahasa. Kajian ini meluaskan konsep tersebut untuk dijadikan kerangka konsep untuk menganalisis strategi rujukan dalam forum Wacana Sinar Harian. Konsep yang dikemukakan ialah “semakin tinggi kekerapan strategi rujukan, maka semakin tinggi nilai kesantunan bahasa”. Hal ini kerana sumber-sumber rujukan akan menghasilkan ucapan yang mempunyai nilai kebenaran yang tinggi. Secara umumnya, kajian ini mendapati tujuh strategi rujukan dalam tiga rakaman tersebut, iaitu strategi rujukan Islam, rujukan sejarah, rujukan umum, rujukan diri, rujukan ilmuwan, rujukan buku dan rujukan media. Pengkaji menyimpulkan bahawa ahli forum mengaplikasikan pelbagai strategi rujukan, namun demikian kekerapan mengikut strategi adalah tidak seimbang. Selain itu, kajian mendapati ahli forum kurang menggunakan strategi rujukan Islam, rujukan ilmuwan dan buku. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar setiap ahli forum memperbanyak lagi strategi rujukan dalam perbincangan mereka, khususnya strategi rujukan Islam, ilmuwan dan buku. Hal ini penting kerana ujaran yang menggunakan rujukan merupakan satu ciri kesantunan bahasa.

Kata Kunci: Strategi Rujukan, Kekerapan, Kesantunan, Forum, Wacana Sinar Harian.

ABSTRACT

¹ Abd Ganing Laenggang, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, abdulganing@kuis.edu.my.

² Ab Razak Ab Karim, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, abrazak@um.edu.my.

³ Riduan Makhtar, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, riduan@kuis.edu.my.

The quality of speech and utterance is a speech that contains a clear reference. One of the key features of politeness is the utterance accompanied by reference and a valid argument. Therefore, this study examines the use of reference strategies among members of forum of a series Wacana Sinar Harian. The question of the study is the extent to which frequencies the member of forum use references during the forums. Three video forum were selected for analysis, namely (i) Peranan Ulama Menasihati Pemimpin (The Role of Cleric in Advising the Top Leader), (ii) Apa di Sebalik IMDB (What is Behind IMDB), and (iii) Politik: Perjuangan atau Populariti (Politics: Struggle or Popularity). These three forums were analyzed using the framework of the politeness concept of Noriati Ab Rashid (2005). According to Noriati, Category of References Strategy is a part of politeness concept. This study broadens this concept to analyze to "the more we use references strategy, the more we perform the politeness". The concept is used as concept framework to analyze the data. Generally, the study finds seven reference strategies, namely Islamic references strategies, historical references, general references, self-references, scholar references, book references and media references. The researcher concluded that forum members applied various references strategies, but the frequency of strategy was unbalanced. Besides that, this study found that members of forum are less to use Islamic, scholar and books reference strategies. Based on these, this research is suggesting that they increase the number of three references as. This very important because the utterance with references is one of the main features of politeness.

Keywords: Reference Strategy, Frequency, Politeness, Forum, Wacana Sinar Harian.

Pengenalan

Konsep kesantunan merangkumi makna yang lebih luas. Nilai kesantunan tidak terletak pada kelembutan dan kehalusan suara, sebaliknya ia terletak pada kebenaran dan kejujuran maklumat yang disampaikan. Model kesantunan yang diperkenalkan oleh Grice (1975) melalui Prinsip Kerjasama turut menekankan konsep kebenaran. Dalam Prinsip Kerjasama tersebut, beliau membina empat maksim untuk mencapai konsep kesantunan berbahasa. Maksim yang menekankan kebenaran sesuatu maklumat ialah maksim Kualiti. Maksim kualiti yang diperkenalkan oleh Grice bermaksud pastikan sumbangan maklumat adalah benar, iaitu jangan katakan sesuatu yang ada percaya tidak benar dan jangan katakan sesuatu yang baginya anda tidak ada dalil yang cukup. Abd Ganing (2010) turut mengaplikasikan maksim kualiti untuk menganalisis kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi. Menurut beliau, maksim kualiti ini menekankan kejujuran dan kebenaran sesuatu maklumat. Islam juga mengajar umat Islam untuk berkata benar dan jujur dalam menyampaikan sesuatu. Oleh itu, maksim kualiti ini selari dengan Islam kerana kedua-duanya menitikberatkan kebenaran dan kejujuran, khususnya dalam penyebaran ilmu pengetahuan.

Konsep kebenaran ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi, termasuklah forum perbincangan. Ahli forum, sama ada moderator, ahli panel, dan penonton yang mengemukakan soalan perlu bersikap jujur dan benar. Dalam konteks ini, kebenaran dan kejujuran ditandai oleh pernyataan sumber rujukan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah *strategi rujukan*. Istilah strategi rujukan merujuk kepada kaedah untuk menghasilkan ujaran yang santun. Hal ini kerana terdapat banyak strategi lain untuk memenuhi ciri kesantunan bahasa, seperti strategi relevan, strategi tertib, strategi berhemah, strategi ungkapan rabbani, dan sebagainya. Bertitik tolak daripada konsep tersebut, kajian ini dilakukan untuk meneliti persoalan tentang bentuk-bentuk sumber rujukan dalam kalangan ahli forum ketika membahaskan satu isu.

Kajian ini memberi tumpuan terhadap analisis bentuk-bentuk dan kekerapan penanda rujukan yang diaplikasikan oleh ahli forum dalam tiga Siri Wacana Sinar Harian, iaitu forum bersiri yang dianjurkan oleh Karangkrif Sdn. Bhd. Kerangka konsep yang digunakan ialah *Kategori Sumber Rujukan* yang diperincikan oleh Noriati Abd Rashid (2005). Kategori Sumber Rujukan yang diperincikan oleh Noriati merupakan salah satu unsur penting dalam menentukan ciri-ciri kesantunan berbahasa. Dengan perkataan lain, penggunaan rujukan dalam ucapan adalah sebahagian daripada konsep kesantunan berbahasa. Oleh itu, kajian tentang bentuk-bentuk rujukan terhadap forum Wacana Sinar Harian adalah sangat penting untuk melihat kualiti forum tersebut. Hal ini kerana semakin banyak penanda rujukan yang diungkapkan oleh ahli forum, semakin tinggi nilai kesantunan berbahasa forum tersebut. Semakin tinggi nilai kesantunan maka semakin tinggi kualiti forum tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk tujuan berikut:

1. Mengetahui pasti bentuk-bentuk sumber rujukan dalam kalangan ahli panel Forum Wacana Sinar Harian.
2. Menganalisis kekerapan bentuk-bentuk rujukan yang digunakan oleh ahli Forum Wacana Sinar Harian.

Kaedah Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan. Data kajian ini ialah rakaman video forum Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karangkrif Sdn. Bhd. Tiga rakaman forum telah dipilih untuk dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep yang diperkenalkan oleh Noriati (2005). Namun demikian, penyesuaian terhadap data dilakukan terhadap bilangan strategi kategori rujukan. Penyesuaian tersebut menghasilkan tujuh strategi rujukan, iaitu strategi rujukan Islam, rujukan sejarah, rujukan umum, rujukan diri, rujukan ilmuwan, rujukan buku, dan rujukan laporan media. Data kajian diperoleh melalui *youtube.com*, kemudian disimpan dalam cakera padat DVD. Selepas itu, rakaman tersebut ditranskripsikan untuk memudahkan proses analisis. Terdapat dua sebab utama pemilihan terhadap tiga rakaman tersebut. Sebab pertama ialah perbincangan terhadap tiga isu yang serius, iaitu (i) isu kepimpinan negara, (ii) sebuah syarikat negara (1MDB), dan isu perjuangan ahli politik. Sebab kedua pula ialah ahli-ahli forum pula merupakan ahli akademik dan ahli politik. Mereka merupakan pihak yang sesuai untuk membahaskan isu tersebut.

Bahan Kajian

Kajian ini telah memilih tiga rakaman forum Wacana Sinar Harian untuk dianalisis. Pemilihan ini berdasarkan sampel bertujuan, iaitu memilih rakaman untuk disesuaikan dengan tujuan kajian. Berikut ialah tiga rakaman yang dipilih.

Rakaman 1: Peranan Ulama Menasihati Pemimpin

Rakaman 1 ini bertajuk *Peranan Ulama Menasihati Pemimpin* dan forum ini merupakan siri wacana ke-15. Forum ini dipengerusikan oleh Dr. Maszlee Malik, pensyarah di Kuliah Ilmu

Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ahli panel pula terdiri daripada tiga orang, iaitu (i) YBgh Datuk Dr. Siddiq Fadzil, bekas Presiden ABIM dan Presiden WADAH, (ii) YBgh Dato Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, bekas Mufti Perlis, dan (iii) saudara Shahrin Md Jamaluddin, Exco Gerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pengerusi Biro IPT Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 jam 28 minit dan seramai 6 orang penyoal. Wacana ini diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangraf, Lot 2 Jalan Sepana, 15/3 Off Persiaran Selangor, Seksyen 15 Shah Alam.

Rakaman 2: Apa di Sebalik 1MDB

Rakaman 2 bertajuk *Apa di Sebalik 1MDB* berlangsung pada 18 Mac 2015 di Kompleks Kumpulan Media Karangraf, Seksyen 15, Shah Alam. Moderator bagi forum ini ialah Dr. Maszlee Malik, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tiga ahli panel, iaitu (i) Yang Berhormat Rafizi bin Ramli, Ahli Parlimen dan Naib Presiden PKR, (ii) Datuk Khairul Anwar Rahmat, Pengerusi SukaGuam Malaysia, dan (iii) Prof Madya Azmi Hassan, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 Jam 33 minit 42 Saat, dan seramai 8 orang penyoal.

Rakaman 3: Politik: Perjuangan atau Populariti

Rakaman 3 ini merupakan siri Wacana Sinar Harian ke-45 dan ia diadakan pada 27 Februari 2017. Forum ini dipengerusikan oleh Datuk Dahlan Maamor dan terdiri daripada 4 ahli panel, iaitu (i) Datuk Sri Jamal Md Yunos, Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, (ii) Mohd Razdzlan Jalaluddin, Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan, Malaysia, (iii) Shahril Hamdan, Exco Pemuda Umno Malaysia, (iv) Dr. Md Shukri Shuib, Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Forum ini diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangraf Sdn Bhd, dan durasi rakaman ini ialah 1 Jam 51 minit. Seramai 3 orang penonton yang mengemukakan soalan dalam forum ini.

Kerangka Konsep

Bercakap benar dan jujur adalah antara asas utama kesantunan bahasa. Untuk memperlihatkan kebenaran dan kejujuran, sesuatu ujaran hendaklah disertakan dengan sumber rujukan yang jelas. Oleh sebab itu, pengkaji mengaplikasikan *Kategori Sumber Rujukan* yang diperkenalkan oleh Noriati A Rashid (2005) dalam kajian ini. Menurut Noriati, Kategori Sumber Rujukan merupakan salah satu konsep kesantunan bahasa. Noriati Abd Rashid menggunakan kategori ini untuk melihat satu aspek kesantunan bahasa dalam majlis pertunangan orang Melayu. Menurut beliau lagi, kategori ini dibina agar penutur menyatakan sesuatu berdasarkan sumber-sumber yang jelas dan agar penutur tersebut boleh dipertanggungjawabkan atas perkara yang diperkatakan. Dalam melihat aspek kesantunan ini, terdapat enam strategi rujukan yang diperkenalkan Noriati, iaitu (i) strategi rujukan individu, (ii) strategi rujukan masa, (iii) strategi rujukan adat, (iv) strategi rujukan maklumat, (v) strategi rujukan negeri, dan (vi) strategi rujukan Islam dan rasul.

Berdasarkan kerangka konsep tersebut, kajian ini menerima maksud kategori Sumber Rujukan sebagai salah satu aspek kesantunan berbahasa, iaitu maklumat hendaklah disampaikan berdasarkan sumber-sumber rujukan yang jelas bagi menyokong sesuatu pernyataan. Namun demikian, kajian meluaskan konsep tersebut dengan pengertian bahawa “semakin tinggi

kekerapan strategi rujukan, maka semakin tinggi nilai kesantunan bahasa”. Hal ini kerana sumber-sumber rujukan akan menghasilkan ucapan yang mempunyai nilai kebenaran yang tinggi. Oleh sebab data kajian ini berlainan dengan data kajian Noriati, maka strategi kesantunan yang ditemui juga berlainan. Noriati mengkaji kesantunan dalam majlis pertunangan orang Melayu, manakala kajian ini pula mengkaji forum perbahasan mengenai isu-isu negara. Oleh itu, pengkaji akan membina strategi baharu untuk disesuaikan dengan data kajian tanpa mengubah maksud *kategori Sumber Rujukan*. Dengan perkataan lain, kajian ini membina strategi rujukan yang baharu berdasarkan data kajian. Istilah *strategi* dalam kajian merujuk kepada jenis-jenis atau bentuk-bentuk rujukan. Senarai berikut ialah tujuh strategi untuk menganalisis bentuk-bentuk rujukan dalam forum Wacana Sinar Harian.

1. Strategi Rujukan Islam
2. Strategi Rujukan Sejarah
3. Strategi Rujukan Umum
4. Strategi Rujukan Diri
5. Strategi Rujukan ilmuwan
6. Strategi Rujukan Buku
7. Strategi Laporan Media

i. Strategi Rujukan Islam

Sumber rujukan Islam bermaksud rujukan yang merangkumi al-Quran dan Sunnah. Hal ini meliputi aspek, seperti hukum-hakam, ibadah, konsep tauhid, akhlak, muamalat dan sebagainya. Umat Islam di Malaysia sangat berpegang teguh pada al-Quran dan Sunnah sebagai sandaran untuk menyatakan sesuatu fakta. Menurut Noriati (2005:187), strategi ini menjadikan ujaran tersebut susah untuk dipertikaikan dan merupakan cara yang santun untuk menguasai pendengar agar bersetuju. Berdasarkan tinjauan awal, pengkaji mendapati ahli panel banyak menggunakan rujukan Islam bagi menyokong sesuatu pernyataan. Contohnya, ahli panel menuturkan ayat *amalan riba adalah haram di sisi Islam*. Walaupun tidak menyatakan surah yang jelas, namun demikian pernyataan ini adalah jelas merujuk kepada ajaran Islam.

Tidak ada penanda linguistik khusus berkenaan dengan strategi ini. Contoh ini dikategorikan sebagai strategi rujukan Islam. Sumber rujukan sunnah pula bermaksud rujukan rasul, seperti hadis, akhlak rasul dan sebagainya. Walaupun wujud hadis sahih dan hadis daif, namun demikian kajian ini tetap menerima ia sebagai satu strategi kesantunan. Contohnya, hadis “menuntut ilmu biarlah sampai ke negeri China”. Ada sebahagian pandangan ulama mengatakan bahawa hadis ini daif dan tidak boleh dijadikan sandaran. Hal ini di luar bidang kepakaran pengkaji. Contohnya adalah seperti berikut:

1. Kerna ulama itu **Warasa tul Anbia'** penanggungjawab, pertama adalah '**ulama kerna ulama adalah pewaris para nabi**. (R1:A2)⁴
2. Kalau **dalam al-Quran disebut bahawa yang takut kepada Allah itu ialah 'ulama khasyatullah min ibadihi 'ulama**. Khasyatullah itu ciri ulama. Kalau dia tidak takut kepada Allah dia lebih takut kepada bosnya bagi saya itu bukan ulama. (R1:A13)

⁴ Kajian ini menggunakan simbol (R1:A2) bagi maksud *Rakaman 1* dan *Bahagian 2*.

3. Jadi, kita sebenarnya perlu kepada golongan orang setiap orang, **Allah kata: Innallaha yakmurukum ... amanah ahliha**. Allah perintahkan bagi amanah kepada orang yang layak ... (R1:A107)
4. Kita tidak mahu apa yang berlaku, **Allah sebut dalam al-Quran apa berlaku kepada golongan Firaun aa oleh Firaun** “mereka ini golongan-golongan ini rakyat di bawah pemerintahan Firaun ni diperbodohkan, ditakut-takutkan tapi akhirnya mereka ... (R3:C171)
5. Di dalam **Maqasid Syariah kita nak menjaga akal, nyawa, keturunan, harta benda dan perbagai-bagai lagi** yang perlu kita jaga kerana untuk keselamatan kita sebagai ummah dan rakyat. (R3:C2)

Berdasarkan contoh 1 di atas, pengkaji berpendapat bahawa ahli panel telah membuat pernyataan yang berunsurkan Islam. Ungkapan dalam bahasa Arab *Warasa tul Anbia* sebagai penanda santun kerana ia membawa maksud ulama adalah pewaris nabi. Hal ini menjadikan ia sebagai satu strategi rujukan Islam. Contoh 2 pula adalah dengan jelas menunjukkan penutur memetik al-Quran, iaitu melalui ayat *dalam al-Quran disebut bahawa yang takut kepada Allah*. Strategi rujukan Islam dalam contoh 3 ditandai oleh pernyataan *Allah kata innallaha yakmurukum...amanah ahliha. Allah perintahkan...*, manakala contoh 4 pula ditandai oleh *Allah sebut dalam al-Quran apa berlaku kepada golongan Firaun aa oleh Firaun*. Strategi rujukan Islam dalam Contoh 5 ditandai oleh pernyataan *Maqasid Syariah kita nak menjaga akal, nyawa, keturunan, harta benda dan perbagai-bagai lagi*. Semua penanda rujukan ini menunjukkan rujukan Islam atau pernyataan-pernyataan berunsurkan Islam.

ii. Strategi Rujukan Sejarah

Strategi rujukan sejarah atau peristiwa lepas ialah strategi rujukan yang menjadikan sesuatu pernyataan boleh dipertanggungjawabkan. Strategi ini menepati konsep kesantunan bahasa menurut Islam, iaitu kesahihan sesuatu pernyataan perlu dibuktikan dengan sumber yang kukuh, termasuk sumber sejarah. Strategi ini merangkumi persoalan sejarah, peristiwa lepas, atau sejarah yang baru tercipta. Tidak ada penanda linguistik khusus untuk menggambarkan strategi ini.

1. Pertarungan yang begitu banyak **yang disebut dalam sejarah Islam** sering kali membabitkan antara tokoh agama zaman itu ... (R1:A4)
2. ... ulama sedangkan kita faham ulama ini dari dulu sampai sekarang **selepas zaman Rasulullah memang** menjadi ... **Sebab itu** bila melewati **zaman Rasulullah dan sahabat** itu mudah kerana zaman itu ... (R1:A7)
3. ... orang merasa dan mengaku dirinya ulama tapi ulama yang sebenar **yang wujud dalam tradisi Islam dia** tidak merasa dirinya ulama tapi diiktiraf oleh umat ... (R1:A13)
4. ... yang menunjukkan kemewahan dan **baru-baru ini lewat** (penghujung) **tahun lepas** beliau telah membongkar tentang Disneyland. (R3: C99)
5. **Pada tahun 1997 apabila berlaku krisis ekonomi**, Khazanah mengambil alih banyak pentadbiran anak-anak syarikat dan model itu ... (R2:B201)

Rujukan sejarah dalam contoh 1 di atas ditandai oleh pernyataan *yang disebut dalam sejarah Islam sering kali*, manakala strategi rujukan sejarah dalam contoh 2 ditandai oleh pernyataan *selepas zaman Rasulullah memang*. Penanda rujukan sejarah dalam contoh 1 bersifat pernyataan secara umum, namun demikian ia masih lagi dalam kerangka rujukan sejarah. Penanda rujukan

dalam contoh 2 merujuk sejarah selepas zaman Rasulullah, dan pernyataan itu menunjukkan garis masa yang jelas. Strategi rujukan sejarah dalam contoh 3 dan contoh 4 masing-masing ditandai oleh pernyataan *yang wujud dalam tradisi Islam, dan baru-baru ini lewat (penghujung) tahun lepas*. Penanda rujukan pada contoh 3 bersifat rujukan sejarah secara umum, iaitu tidak ada garis masa yang jelas. Strategi rujukan sejarah dalam contoh 4 pula memperlihatkan garis masa yang jelas dan hal ini termasuk dalam kerangka sejarah atau peristiwa lepas. Strategi rujukan sejarah dalam contoh 5 pula bersifat pernyataan peristiwa nyata yang jelas. Pernyataan *Pada tahun 1997 apabila berlaku krisis ekonomi*, merupakan pernyataan yang jelas dari segi tahun dan peristiwa. Secara umumnya, walaupun terdapat pernyataan rujukan sejarah yang bersifat umum dan khusus, namun pengkaji berpendapat bahawa ungkapan tersebut masih menyatakan Sumber Rujukan. Dengan perkataan lain, masih terdapat penanda rujukan sejarah yang diaplikasikan oleh penutur dan boleh dipertanggungjawabkan. Oleh itu, kelima-lima penanda rujukan di atas adalah lambang kesantunan berbahasa dalam kalangan ahli forum.

iii. Strategi Rujukan Umum

Strategi ini tidak wujud dalam kategori sumber rujukan oleh Noriati Abd Rashid untuk menganalisis kesantunan berbahasa dalam majlis pertunangan orang Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan strategi rujukan umum sebagai ujaran yang menyatakan sesuatu maklumat tanpa menyatakan sumber rujukan dengan jelas. Namun demikian, kebertanggungjawaban sumber rujukan umum adalah rendah berbanding dengan strategi rujukan khusus. Berdasarkan kajian, strategi rujukan umum ini diungkapkan bagi mengelak dipertanggungjawabkan seorang diri. Lazimnya, strategi rujukan umum ditandai oleh perkataan seperti, *kita semua tahu, ramai yang tahu, kita semua melihat, kita melihat bahawa* dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga pernyataan rujukan umum dilakukan bagi mengelak daripada mendedahkan identiti sebenar seseorang. Berikut ialah lima contoh strategi rujukan umum yang dipetik daripada rakaman kajian.

1. Saya memang tunggu saudara Rafizi sebut nama-nama yang beliau boleh jual kerana **kita semua tahu** saudara Rafizi di-*design* dibentuk oleh ... (R2:B12)
2. dan ada **desas-desus mengatakan** bahawa kenapa nilai mata wang kita jatuh merudum teruk berbanding dengan jiran kita adalah mungkin salah satu sebabnya adalah kebimbangan orang luar terhadap 1MDB. (R2:B147)
3. Jadi, **orang kata** populariti ni jangka masa pendek tapi tiap-tiap kali pemilihan aa pilihan raya dia menang. (R3:C37)
4. **Pakar economist mengatakan** mereka bimbang sebab kejatuhan mata wang, 80-70% adalah persepsi tapi kita kena akur bahawa laporan tahunan Bank Negara...(R2: B151)
5. kerana dia dapat hidayah apa berpakaian seakan-akan ustaz dan ulama hanya dengan seminggu dia boleh memfatwakan macam-macam. Saya, tak payah sebutlah mungkin, **tuan pun maklum**. Jadi adakah ini (R1:A7)

Penanda strategi rujukan umum dalam contoh 1 di atas ditandai oleh *kita semua tahu*. Ayat ini membuat rujukan umum dengan menggunakan kata ganti pertama jamak, iaitu *kita*. Rujukan ini diungkapkan bagi mengelak dipertanggungjawabkan seorang diri. Contoh 2 pula ditandai oleh pernyataan umum *desas-desus* manakala contoh 3 pula ditandai oleh *orang kata*. Kedua-dua penanda rujukan umum ini merupakan satu pernyataan umum. Walaupun secara umum, ia masih dilihat sebagai satu bentuk kesantunan kerana masih ada sandaran umum. Namun demikian,

nilai atau darjah kesantunan adalah rendah berbanding dengan rujukan langsung. Penanda rujukan *pakar ekonomi mengatakan* dalam contoh 4 di atas merupakan satu bentuk pernyataan umum dalam bidang tertentu. Walaupun nama pakar ekonomi itu tidak disebut dengan jelas, sekurang-kurangnya, ahli forum tersebut masih bersandarkan rujukan umum dalam bidang tertentu. Darjah dan nilai kesantunan bagi penanda rujukan seperti ini adalah agak rendah. Nilai kesantunan yang rendah merujuk kepada strategi yang tidak menyatakan rujukan dengan jelas atau tidak menyatakan secara khusus sumber maklumat.

Berdasarkan contoh 4, timbul persoalan “siapa” pakar ekonomi yang dimaksudkan oleh penutur. Kajian ini berpendapat, strategi rujukan umum mempunyai nilai kesantunan yang rendah berbanding dengan strategi rujukan khusus. Hal ini selari dengan maksim kualiti oleh Grice bahawa maklumat hendaklah disampaikan dengan dalil yang cukup. Dalam contoh 5 pula, ahli forum tersebut membuat pernyataan secara umum bagi menjaga nama baik seseorang. Dengan perkataan lain, pernyataan umum itu diungkapkan untuk mengelak daripada mengaibkan seseorang. Islam mengajar untuk menutup aib seseorang, lebih-lebih lagi mengaibkan seseorang dalam forum yang dihadiri oleh khalayak ramai. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa pernyataan umum mempunyai nilai kesantunan yang tinggi sekiranya diungkapkan sesuai dengan niat dan konteksnya.

iv. Strategi Rujukan Diri

Strategi ini tidak wujud dalam kerangka konsep Noriati Abd Rashid. Oleh itu, kajian ini membina strategi rujukan diri dengan maksud strategi rujukan yang bersumberkan diri sendiri. Oleh itu, segala maklumat yang disampaikan akan dipertanggungjawabkan kepada penutur itu sendiri. Lazimnya, strategi rujukan diri ini ditandai oleh frasa, seperti *saya fikir*, *saya ingat*, *saya katakan*, *saya nampak* dan sebagainya. Penanda rujukan diri ini menggunakan kata ganti nama diri pertama, iaitu *saya*. Berikut ialah contoh strategi rujukan diri.

1. **Saya fikir** ini masalah kepimpinan kerna itu perlu koreksi dari para ulama. Persoalannya kenapa ulama? (R1:A2)
2. Secara akademiknya, **saya lihat** perkara ini aa begitu kebudak-budakan. Kita bayar, rakyat bayar gaji ahli parlimen dan wakil rakyat. (R3:C161)
3. Kalau kita kembali kepada asas ataupun tajuk kita, **saya ingat** kita kembali kepada konsep bahawa semua orang ada kaedah dia sendiri (R3:C203)
4. Dalam konteks pemuda (UMNO) itu sendiri, **saya ingat** apa yang **boleh saya katakan** adalah seperti yang Datuk sebut ketua kami (R3:C84)
5. **Saya bercakap sebagai orang akademik saya melihat** bahawa kepelbagaian watak dalam parti-parti politik di Malaysia ini melambangkan satu (R3:C51)

Strategi rujukan diri dalam contoh 1 di atas ditandai oleh *saya fikir*. Contoh 1 tersebut memperlihatkan ahli forum memberikan kritikan terhadap masalah kepimpinan. Pernyataan rujukan *saya fikir* menjadikannya sebagai rujukan tentang kritikkannya terhadap masalah kepimpinan dan diikuti oleh cadangan agar masalah tersebut dibetulkan oleh ulama. Pola yang sama diperlihatkan dalam contoh 2, iaitu penutur melakukan kritikan terhadap seseorang, dengan menjadikan dirinya sebagai rujukan atau sandaran. Contoh 3 dan contoh 4 pula ditandai oleh penanda rujukan diri *saya ingat* dan pernyataan tersebut merupakan satu lakuan bahasa cadangan. Beliau bertanggungjawab atas cadangan tersebut. Contoh 5 memperlihatkan kelainan dalam menyatakan rujukan diri. Ahli forum tersebut menjadikan dirinya sebagai rujukan dengan

menegaskan kapasitasnya sebagai ahli akademik. Secara keseluruhannya, pernyataan strategi rujukan diri dilakukan dengan pelbagai tujuan. Namun demikian, penggunaan perkataan *saya* menunjukkan kebertanggungjawaban penutur dalam menyampaikan sesuatu.

v. Strategi Rujukan Ilmuwan

Strategi rujukan ilmuwan tidak wujud dalam kerangka konsep kategori sumber rujukan oleh Noriati. Kajian ini membina strategi rujukan ilmuwan sebagai sumber-sumber maklumat berdasarkan tokoh, keintelektualan atau ilmuwan. Tindakan merujuk kepakaran seseorang tokoh atau ilmuwan dijadikan sebahagian daripada konsep kesantunan bahasa. Hal ini kerana pernyataan-pernyataan, pendapat atau penemuan golongan ilmuwan boleh dipertanggungjawabkan. Nabi Muhammad SAW sendiri mengiktiraf kepakaran seseorang mengikut bidangnya. Dalam konteks ini, tokoh atau ilmuwan merujuk kepada alim ulama (pewaris nabi), agamawan, golongan intelektual, pakar perubatan, pakar geografi, pakar ekonomi, pakar sains, dan sebagainya. Kajian ini menyimpulkan bahawa ahli forum yang melakukan rujukan ilmuwan menepati konsep kesantunan berbahasa kerana mereka merujuk tokoh yang boleh dipertanggungjawabkan. Berikut ialah contoh strategi rujukan tokoh ilmuwan:

1. ...bagaimana sepanjang sejarah Islam oleh **Sheikh Rashid Ganoushi** bahawa ulama itu menjadi suara kepada masyarakat sivil sepanjang sejarah ... (R1:A1)
2. Tahun 57, (Prof. Buya) **Hamka menulis** sebuah buku kenang-kenangan kemerdekaan Malaya. Dalam buku itu beliau kupas tentang Al-Ulama Warasatul Anbiya itu dengan (R1:A2).
3. ...saya mengambil ungkapan ataupun tulisan daripada **Syed Hussin Al-Attas, apa Syed Hussin Al-Attas** menyebutkan berkenaan dengan maruah ini, maruah atau dignity dalam ... (R3:C223)
4. ...sebab **tu Ibnu Qayyim katakan** kenyataan yang baik, kata Ibn, In aghobta assiyasata, jika kamu maksudkan politik itu apa yang ada dalam... (R1:A107)
5. ...sebagaimana **pandangan-pandangan yang muktabar** tentang ulama yang sebenar ini ialah adakah ulama yang hanya menguasai ilmu-ilmu agama itu maka dia adalah alim ulama...(R1:A7)

Contoh 1 hingga 4 di atas menyebut tokoh-tokoh ilmuwan dalam bidang masing-masing, manakala contoh 5 pula hanya menyebut secara umum. Tokoh ilmuwan *Sheikh Rashid Ganoushi*, *Prof. Buya Hamka*, *Syed Hussin Al-Attas*, dan *Ibnu Qayyim* merupakan tokoh ilmuwan besar yang dijadikan sebagai strategi rujukan ilmuwan oleh ahli forum. Hal ini menandakan ahli forum bersandarkan pada tokoh-tokoh besar dalam menyatakan sesuatu dan ia merupakan satu bentuk kesantunan berbahasa. Walaupun dalam rujukan tokoh secara umum dalam contoh 5 di atas, namun demikian penutur tersebut masih lagi bersandarkan tokoh ilmuwan.

iv. Sumber Rujukan Buku

Strategi rujukan buku tidak wujud dalam kerangka konsep sumber rujukan oleh Noriati Abd Rashid. Kajian ini membina strategi rujukan buku sebagai salah satu unsur dalam konsep kategori Sumber Rujukan. Buku merupakan sumber rujukan utama dalam pemerolehan ilmu. Dalam kajian ini, penutur yang menyampaikan maklumat dengan menyatakan buku sebagai rujukan merupakan satu strategi kesantunan bahasa. Hal ini kerana buku merupakan sumber-sumber utama dalam proses pemerolehan ilmu pengetahuan. Ahli panel yang membuat rujukan

buku melambangkan mereka bercakap berdasarkan fakta atau rujukan yang jelas. Contohnya seperti berikut:

1. ... Hamka menulis **sebuah buku** kenang-kenangan kemerdekaan Malaya. **Dalam buku itu** (Buku Buya Hamka) beliau kupas tentang Al-Ulama Warasa tul Anbia itu dengan mengingatkan bahawa ulama ... (R1:A2)
2. Datuk (Siddiq) **ada tulis** (buku) tentang Melayu dan Islam, Datuk, jadi saya ingat Datuk jawab juga adakah teruk sangat orang Melayu ni? Kalau teruk apakah ubatnya Datuk? **Buku Datuk** yang terbaru ya (sambil menunjukkan buku).
3. ... **karya Al Ghazali Al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Mulk** itu disadur dengan luas dan ditemukan **sebuah naskhah** nasihat bagi segala raja-raja ditemukan di Terengganu dan di kulit buku itu atau halaman pertama **buku itu ditulis** *Sahibul Kitab As-Sultan Zainal Abidin* (R1:A44)
4. Ini dipetik dari **Qanun Aceh Darussalam** ya. Ini bukan khayalan seniman, ini dokumentasi. Jadi begitu juga ... (R1:A44).
5. **Berdasarkan kitab** jelas ulama yang ada ilmu yang dekat dirinya dengan Allah, tawaduk dan dia boleh menyumbang kepada agama ... (R1:A19).

Strategi rujukan buku dalam contoh 1 itu ditandai oleh *Dalam buku itu* manakala contoh 2 pula ditandai oleh *Datuk ada tulis (buku)*. Contoh 1 di atas menunjukkan ahli forum menggunakan rujukan buku yang ditulis oleh Prof. Buya Hamka untuk membahaskan peranan ulama dalam menasihati pemimpin. Contoh 2 pula merujuk buku ahli panel untuk membahaskan masalah yang melanda bangsa Melayu, dengan merujuk buku bertajuk *Melayu dan Islam*, iaitu buku yang dikarang sendiri oleh Dr. Siddiq Fadzil. Strategi rujukan buku dalam contoh 3 dan contoh 4 pula ditandai oleh perkataan *karya*, *Qanun*, dan *kitab*. Walaupun tidak menggunakan perkataan *buku*, namun demikian perkataan *karya*, *qanun*, dan *kitab* membawa maksud bahan bertulis atau menepati konsep buku.

v. Strategi Rujukan Media

Laporan akhbar turut menjadi Sumber Rujukan. Walaupun terdapat beberapa isu tentang laporan akhbar, namun demikian kajian ini masih melihat ia sebagai satu bentuk kesantunan bahasa. Hal ini kerana ahli panel masih bersandarkan pada penyedia berita yang sentiasa menekankan ketelusan dan kebenaran. Berikut ialah contoh petikan-petikan berita yang diberikan oleh ahli panel.

1. Maka timbul pandangan-pandangan termasuk juga yang **disiarkan dalam media-media sebahagian media kita** bahawasanya ulama tidak boleh menegur pemerintah secara terbuka, ulama hendaklah menegur pemerintah. (R1:A4)
2. kalau tidak **takkan mungkin akhbar Sinar dan akhbar-akhbar lain** boleh meraut keuntungan yang mudah apabila seseorang melabelkan dirinya ulama ... (R1:A7).
3. Kalau kita **lihat iklan pertama Sinar Harian**, dia ada geostrategic, tapi iklan terbaru cuma pensusarah. Tak tahu kenapa bertukar ... (R2:B6)
4. Yang ini bukan saya sebutlah. Yang ini adalah pengakuan yang dibuat oleh Jho Low di **dalam akhbar-akhbar antarabangsa** selepas namanya disebut-sebut kerana dikaitkan dengan penyelewengan wang ... (R2:B62)
5. kalau betul itu **fitnah akhbar Hong Kong fitnah akhbar New York fitnah**, bila Perdana Menteri **nak saman akhbar-akhbar ini**? Kenapa sampai sekarang tak disaman ... (R2:B64).

Berdasarkan lima contoh di atas, terdapat dua jenis penanda rujukan media, iaitu rujukan media khusus, dan rujukan media secara umum. Strategi rujukan media khusus ditandai oleh pernyataan dengan menyebut nama akhbar secara jelas. Hal ini dapat dilihat dalam contoh 2, 3, dan 5. Contoh 2 dan contoh 3 di atas dengan jelas ahli forum menyebut *Akhbar Sinar Harian*, manakala contoh 5 pula menyebut secara khusus *Akhbar Hong Kong*. Ketiga-tiga contoh ini dengan jelas ahli panel menyebut nama akhbar secara khusus. Contoh 1 dan contoh 4 pula menunjukkan rujukan media secara umum, dan ia ditandai oleh pernyataan *dalam akhbar-akhbar antarabangsa* dan *disiarkan dalam media-media sebahagian media kita*. Kedua-dua contoh ini tidak memperlihatkan nama-nama akhbar secara khusus. Walaupun demikian, kedua-dua penanda rujukan media ini sudah memadai untuk menjadi ahli forum sebagai orang yang mengamalkan kesantunan berbahasa.

Analisis Dan Pentafsiran

Kajian ini melibatkan analisis terhadap tiga rakaman forum Siri Wacana Sinar Harian. Secara keseluruhannya, hasil analisis mendapati ahli forum menggunakan pelbagai bentuk sumber rujukan. Jadual 1 berikut ialah hasil analisis data terhadap tiga rakaman forum yang dikaji.

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Strategi Rujukan bagi Ketiga-tiga Rakaman Forum.

Strategi Kesantunan	Rakaman 1	Rakaman 2	Rakaman 3	Jumlah Keseluruhan
Rujukan Islam	29	2	13	44
Rujukan Sejarah	21	11	9	41
Rujukan Umum	25	31	18	74
Rujukan Diri	73	66	43	182
Rujukan Ilmuwan	19	0	1	20
Rujukan Buku	9	0	0	9
Rujukan Media	3	8	2	13
Kekerapan	179	118	86	383

Berdasarkan jadual di atas, jumlah keseluruhan penanda strategi rujukan bagi tiga rakaman yang dikaji adalah sebanyak 383 kali. Rakaman 1 mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu dengan kekerapan sebanyak 179, tempat kedua ialah rakaman 2 dengan jumlah kekerapan sebanyak 118 kali, manakala rakaman 3 pula adalah sebanyak 86 kali. Rakaman 1 ini membahaskan peranan ulama untuk menasihati pemimpin. Dalam membahaskan peranan ulama, data di atas memperlihatkan ahli forum mengaplikasikan semua strategi rujukan yang disenaraikan di atas. Hal ini memberi gambaran bahawa ahli forum dalam rakaman 1 menggunakan pelbagai sumber rujukan. Walau bagaimanapun, jumlah kekerapan strategi rujukan adalah tidak seimbang antara satu sama lain.

Rakaman 2 pula membahaskan isu di sebalik 1MDB. Dalam membahaskan isu ini, hasil kajian menunjukkan bahawa dua daripada tujuh strategi rujukan tidak diaplikasikan oleh ahli forum, iaitu strategi rujukan ilmuwan dan strategi rujukan buku. Hal ini disebabkan oleh isu yang dibahaskan dalam rakaman tersebut adalah isu semasa dan tidak ada buku yang dihasilkan

berkaitan dengan 1MDB. Perbahasan tertumpu pada perkara atau hakikat sebenar yang berlaku di sebalik 1MDB. Perbahasan tentang 1MDB bersifat teknikal dan tidak memberi tumpuan terhadap hukum-hakam dalam Islam. Oleh sebab itu, tidak ada rujukan ilmuwan dilakukan. Rakaman 3 pula merupakan forum yang membahaskan perjuangan atau populariti dalam politik. Jadual 1 di atas memperlihatkan bahawa forum tersebut mengaplikasikan 6 strategi rujukan. Dalam rakaman 3, tidak wujud strategi rujukan buku.

Berdasarkan jadual tersebut, hasil analisis kekerapan menunjukkan strategi rujukan diri mempunyai bilangan kekerapan yang tinggi, dengan jumlah kekerapan sebanyak 182. Rakaman 1 memperlihatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 73, rakaman 2 adalah sebanyak 66 dan rakaman 3 pula adalah sebanyak 43 kali. Keadaan ini menunjukkan bahawa ahli forum memperlihatkan kesanggupan untuk bertanggungjawab terhadap perkara yang disampaikan. Strategi rujukan umum berada di tempat kedua tertinggi, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 74. Rakaman 2 menunjukkan jumlah tertinggi, dengan kekerapan sebanyak 31 kali, rakaman 1 adalah sebanyak 25 kali, dan rakaman 3 pula hanya 18 kali. Kekerapan ini dikaitkan dengan sikap ahli panel untuk mengelak daripada bertanggungjawab seorang diri dan untuk mengelak daripada mengaibkan seseorang secara terbuka.

Dari sudut strategi rujukan Islam, jumlah keseluruhan bagi ketiga-tiga rakaman ini ialah 44 kali. Rakaman 1 mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 29 kali, manakala kedua tertinggi ialah rakaman 3 dengan jumlah kekerapan sebanyak 13 kali. Hanya 2 kali ahli forum menggunakan strategi rujukan Islam dalam rakaman 2. Jumlah kekerapan yang tertinggi dalam rakaman 1 dikaitkan dengan topik yang dibahaskan, iaitu peranan ulama dalam menasihati pemimpin. Selain itu, jumlah yang tinggi dalam rakaman 1 dikaitkan dengan ahli forum yang mempunyai latar belakang agamawan. Jumlah kekerapan yang hampir sama dengan strategi rujukan sejarah, iaitu dengan kekerapan sebanyak 41. Namun demikian, rakaman 1 masih menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 21, diikuti oleh rakaman 2 dan rakaman 3 yang masing-masing jumlah kekerapan adalah sebanyak 11 dan 9. Keadaan ini memberi gambaran bahawa ahli forum dalam rakaman 1 lebih banyak merujuk sejarah berbanding ahli forum dalam rakaman 2 dan 3. Dengan pengertian lain, ahli forum dalam rakaman 1 lebih santun berbanding rakaman lain.

Hasil kajian menunjukkan jumlah kekerapan rujukan ilmuwan adalah sebanyak 20 kali. Rakaman 1 adalah yang tertinggi, iaitu jumlah 19 kekerapan, manakala rakaman 3 pula hanya sekali. Dalam rakaman 2, tidak wujud rujukan ilmuwan. Seperti yang disebutkan di bahagian awal, jumlah rujukan yang tinggi dalam rakaman 1 disebabkan oleh isu yang dibahaskan dan ahli forum yang terlibat. Rakaman 2 tidak menggunakan strategi ini disebabkan apa yang dibahaskan tidak melibatkan persoalan aliran pemikiran. Isu 1MDB yang dibahaskan dalam rakaman 2 adalah bersifat teknikal. Begitu juga dengan strategi rujukan buku. Ia hanya wujud dalam rakaman 1. Dari segi strategi rujukan media, rakaman 2 berada di tempat pertama, iaitu 8 daripada 13. Hal ini disebabkan bahawa isu 1MDB banyak dilaporkan oleh media tempatan dan antarabangsa.

Analisis Kekerapan Rujukan Dalam Rakaman 1

Isu yang dibahaskan dalam rakaman 1 ialah peranan ulama dalam menasihati pemimpin negara. Ahli forum yang terlibat ialah seorang moderator, 3 ahli panel, dan 6 penyual. Secara umumnya, analisis terhadap rakaman 1 menunjukkan 7 strategi rujukan diaplikasikan. Namun

demikian, kekerapan antara ahli forum adalah tidak seimbang. Jadual 2 berikut menunjukkan hasil analisis terhadap rakaman 1.

Jadual 2: Hasil Analisis Kekerapan Strategi Rujukan Rakaman1

Strategi Kesantunan	Moderator (Dr. Maszlee)	Dr. Siddiq Fadzil	Dr. Mohd Asri	Shahrin	Penonton / Penyoal	Kekerapan Strategi
Rujukan Islam	2	9	15	3	0	29
Rujukan Sejarah	4	4	5	6	2	21
Rujukan Umum	10	5	6	3	1	25
Rujukan Diri	3	9	35	24	2	73
Rujukan Ilmuwan	3	8	6	1	1	19
Rujukan Buku	1	7	0	1	0	9
Rujukan Media	0	0	1	2	0	3
Kekerapan	23	42	68	40	6	179

Jadual 2 di atas menunjukkan jumlah kekerapan penggunaan strategi rujukan dalam rakaman 1. Dari sudut kekerapan strategi, strategi rujukan diri adalah yang tertinggi, iaitu 73 kali, diikuti oleh strategi rujukan Islam. Jumlah kekerapan ketiga tertinggi ialah strategi rujukan umum, iaitu dengan jumlah 25 kali, disusuli oleh strategi rujukan sejarah, iaitu sebanyak 21 kali. Strategi rujukan ilmuwan pula berada di tempat kelima dengan jumlah kekerapan sebanyak 9 kali, manakala strategi rujukan buku dan rujukan media pula masing-masing 9 dan 3 kali.

Dari sudut ahli forum, Dr. Mohd Asri mengaplikasikan enam strategi daripada tujuh strategi. Jumlah kekerapan strategi beliau adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 68. Daripada enam strategi yang digunakan, beliau lebih kerap menggunakan strategi rujukan diri, iaitu sebanyak 35 dan kemudian strategi rujukan Islam dengan jumlah 15 kali. Hal ini menunjukkan bahawa beliau lebih bersandarkan pada diri sendiri berbanding rujukan lain. Strategi rujukan umum dan rujukan ilmuwan mencatatkan jumlah yang sama, iaitu 6 kali. Beliau mengaplikasikan sebanyak lima kali strategi rujukan sejarah, sebanyak sekali untuk strategi rujukan media. Dr. Siddiq Fadzil juga mengaplikasikan 6 strategi rujukan. Dr. Siddiq Fadzil berbeza dengan Dr. Mohd Asri – Dr. Siddiq tidak mengaplikasikan strategi rujukan media, manakala Dr. Mohd Asri tidak mengaplikasikan strategi rujukan buku. Jadual 2 turut memperlihatkan jumlah kekerapan Dr. Siddiq Fadzil yang sama antara strategi rujukan Islam dengan strategi rujukan diri, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 9 kali. Strategi rujukan buku dan strategi rujukan ilmuwan masing-masing 7 dan 8 kali. Jumlah kekerapan yang hampir sama ini berlaku kerana lazimnya buku dan tokoh saling berkaitan. Strategi rujukan umum dan rujukan sejarah kurang diaplikasikan oleh Dr. Siddiq, iaitu masing-masing hanya empat dan lima sahaja. Secara keseluruhan, Dr. Siddiq menggunakan pelbagai rujukan dalam membahaskan sesuatu isu.

Ahli panel ketiga dalam forum ini ialah Shahrin Md Jamaluddin, Exco Gerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pengerusi Biro IPT Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa Shahrin mengaplikasikan tujuh strategi kesantunan, namun demikian kekerapannya adalah terendah berbanding dengan ahli panel yang lain. Shahrin banyak menggunakan strategi rujukan diri berbanding strategi lain, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 24. Kekerapan kedua tertinggi

yang diaplikasikan oleh Shahrin ialah strategi rujukan sejarah, dengan jumlah kekerapan sebanyak enam kali. Jumlah kekerapan strategi yang lain ialah satu hingga tiga. Hal menunjukkan ketidakseimbangan sumber rujukan yang diaplikasikan oleh Shahrin.

Moderator rakaman 1 ini ialah Dr. Maszlee Malik, pensyarah di Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Berdasarkan analisis, kajian mendapati moderator tersebut mengaplikasikan enam strategi rujukan, dan jumlah kekerapan keseluruhan adalah sebanyak 23 kali. Keadaan ini agak berlainan dengan ahli panel lain, kerana moderator lebih kerap menggunakan strategi rujukan umum. Hal ini selari dengan peranan beliau sebagai moderator. Jumlah kekerapan kedua tertinggi ialah strategi rujukan sejarah, dengan jumlah kekerapan sebanyak empat kali, kemudian diikuti oleh strategi rujukan diri dan rujukan ilmuwan yang masing-masing kekerapannya adalah sebanyak tiga kali. Beliau tidak menggunakan rujukan media. Para penonton juga mengamalkan empat strategi, iaitu strategi rujukan sejarah, rujukan diri, rujukan umum dan rujukan ilmuwan. Oleh sebab durasi bertanya amat singkat, maka kekerapan juga amat sedikit, iaitu hanya enam kali kekerapan. Berdasarkan dapatan ini, kajian menyimpulkan bahawa ahli forum hendaklah lebih banyak menggunakan rujukan Islam berbanding rujukan lain. Hal ini penting agar perkara yang disampaikan lebih berkualiti dan lebih santun.

Analisis Kekerapan Strategi Rujukan Dalam Rakaman 2

Rakaman 2 membahaskan persoalan pengurusan sebuah syarikat negara, iaitu 1MDB. Ahli forum dalam rakaman 2 terdiri daripada tiga ahli panel, seorang moderator dan lapan penyoal. Secara umumnya, rakaman 2 ini hanya mengaplikasikan lima strategi sahaja. Jadual 2 berikut ialah hasil analisis terhadap strategi rujukan dalam rakaman 2.

Jadual 3: Hasil Analisis Kekerapan Strategi Rujukan Rakaman 2

Strategi Kesantunan	Moderator (Dr. Maszlee)	Prof. Azmi	Dato Khairul	YB. Rafizi Ramli	Penonton/ Penyoal	Kekerapan Strategi
Rujukan Islam	0	0	1	1	0	2
Rujukan Sejarah	1	2	4	4	0	11
Rujukan Umum	10	4	5	11	1	31
Rujukan Diri	7	11	25	21	2	66
Rujukan ilmuwan	0	0	0	0	0	0
Rujukan Buku	0	0	0	0	0	0
Rujukan Media	2	3	0	2	1	8
Kekerapan	20	20	35	39	4	118

Berdasarkan Jadual 3 di atas, jumlah kekerapan tertinggi ialah strategi rujukan diri, dengan jumlah kekerapan sebanyak 66 kali, diikuti oleh strategi rujukan umum, iaitu dengan kekerapan sebanyak 31 kali. Tempat ketiga pula ialah strategi rujukan sejarah, dengan 11 kekerapan. Strategi rujukan media dan strategi rujukan Islam masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak lapan dan dua. Strategi rujukan ilmuwan dan strategi rujukan buku tidak diaplikasikan dalam forum ini. Data ini menunjukkan bahawa ahli forum, khususnya ahli panel lebih banyak

menggunakan rujukan diri berbanding sumber lain. Keadaan ini juga menggambarkan bahawa strategi rujukan Islam, strategi rujukan ilmuwan dan strategi rujukan buku tidak diutamakan untuk membahaskan isu IMDB. Keadaan ini disebabkan oleh isu IMDB adalah isu semasa dan tidak memerlukan rujukan Islam dan bahan-bahan bacaan buku. Hanya dua ahli forum yang mengaplikasikan strategi rujukan Islam dalam membahaskan isu IMDB, iaitu Datuk Khairul dan YB Rafizi Ramli, dengan masing-masing satu kali kekerapan.

Dari sudut kekerapan penggunaan strategi rujukan oleh ahli forum, Rafizi Ramli mengaplikasikan strategi rujukan paling banyak, iaitu sebanyak 39 kali. Kemudian, kedudukan tersebut diikuti oleh Datuk Khairul dengan jumlah kekerapan sebanyak 35 kali. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua ahli panel ini agak seimbang dari segi jumlah kekerapan strategi rujukan. Namun demikian, jenis strategi yang digunakan berlainan. YB Rafizi mengaplikasikan lima strategi rujukan, manakala Datuk Khairul hanya mengaplikasikan empat strategi. Kedua-dua ahli panel ini mempunyai persamaan dari segi jumlah kekerapan antara strategi rujukan sejarah dan strategi rujukan Islam, iaitu masing-masing empat dan satu. Dari segi strategi rujukan umum dan rujukan diri, YB Rafizi lebih cenderung menggunakan strategi rujukan diri berbanding strategi rujukan umum. Beliau mengaplikasikan strategi rujukan diri sebanyak 21 kali, dan strategi rujukan umum sebanyak 11. Kecenderungan yang sama ditunjukkan oleh Datuk Khairul. Namun demikian, YB Rafizi membuat rujukan media sebanyak dua kali, manakala Datuk Khairul tidak membuat rujukan kepada mana-mana media dalam ucapan beliau.

Jadual 3 menunjukkan Profesor Azmi dan moderator mencatatkan kekerapan yang sama, iaitu kekerapan sebanyak 20 kali. Kedua-dua ahli forum ini tidak mengaplikasikan tiga strategi, iaitu strategi rujukan Islam, strategi rujukan ilmuwan dan strategi rujukan buku. Kedua-dua ahli forum ini lebih cenderung menggunakan strategi rujukan diri. Jumlah kekerapan strategi rujukan diri bagi Prof Azmi adalah sebanyak 11 kali, dan moderator pula sebanyak tujuh kali. Begitu juga dengan rujukan umum, Prof. Azmi mengaplikasikan rujukan umum sebanyak empat kali, manakala moderator sebanyak 10 kali. Penyoal dalam forum ini tidak dominan kerana mereka hanya menunjukkan kekerapan sebanyak empat kali. Secara keseluruhannya, pengkaji menyimpulkan bahawa YB Rafizi Ramli peka dengan sumber rujukan berbanding dengan yang lain. Pengkaji juga berpandangan bahawa ahli forum hendaklah memperbanyak penanda rujukan untuk lebih santun, khususnya rujukan Islam, ilmuwan dan buku. Rujukan-rujukan ini penting agar perbahasan dan perbincangan itu lebih bertanggungjawab.

Analisis Kekerapan Strategi Rujukan Dalam Rakaman 3

Rakaman 3 berkaitan dengan perbahasan perjuangan politik atau sekadar mencari populariti. Ahli forum dalam rakaman ini terdiri daripada seorang moderator, empat ahli panel dan tiga orang penyoal. Jadual 4 di bawah menunjukkan hasil analisis strategi rujukan rakaman 3:

Jadual 4: Analisis Strategi Rujukan dalam Rakaman 3

Strategi Kesantunan	Moderator	Dr. Syukri	Datuk Jamal	Shahril	Radzlan	Penyoal	Kekerapan Strategi
Rujukan Islam	0	6	1	1	5	0	13
Rujukan Sejarah	1	0	0	4	1	3	9
Rujukan Umum	4	7	1	1	4	1	18
Rujukan Diri	2	14	11	16	0	0	43
Rujukan Ilmuwan	0	0	0	0	1	0	1
Rujukan Buku	0	0	0	0	0	0	0
Rujukan Media	0	0	1	1	0	0	2
Kekerapan	7	27	14	23	11	4	86

Berdasarkan jenis dan kekerapan strategi rujukan dalam komunikasi ahli panel, pengkaji mendapati bahawa strategi rujukan diri paling banyak dikenal pasti, iaitu 43 kali kekerapan. Dari sudut jumlah strategi, strategi rujukan diri adalah yang tertinggi, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 43. Tempat kedua tertinggi ialah rujukan umum, dengan jumlah kekerapan sebanyak 18 kali, diikuti tempat ketiga oleh strategi rujukan Islam. Tempat keempat ialah strategi rujukan sejarah, iaitu dengan kekerapan sebanyak 9 kali, manakala strategi lain adalah antara 1-3. Akhir sekali, ahli forum tidak mengaplikasikan strategi rujukan buku. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menggambarkan forum tersebut lebih mengutamakan strategi rujukan diri. Rujukan Islam juga tidak dominan dalam forum ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh isu yang dibincangkan tidak berkaitan dengan agama.

Analisis kekerapan dari sudut ahli forum menunjukkan bahawa Dr. Syukri paling tinggi menggunakan rujukan, iaitu sebanyak 27. Namun demikian, beliau hanya mengaplikasikan tiga strategi rujukan sahaja, iaitu strategi rujukan Islam, rujukan umum, dan rujukan diri. Berdasarkan jadual 2 di atas, Dr. Syukri lebih cenderung menggunakan strategi rujukan diri, kemudian strategi rujukan umum, dan diikuti strategi rujukan Islam. Ahli forum kedua tertinggi ialah Shahril, iaitu dengan kekerapan sebanyak 23 kali. Beliau mengaplikasikan lima strategi rujukan, strategi rujukan media, strategi rujukan diri, strategi rujukan umum, strategi rujukan sejarah dan strategi rujukan Islam. Walau bagaimanapun, jumlah kekerapan antara lima strategi tersebut tidak seimbang. Data kajian menunjukkan Shahril lebih cenderung menggunakan strategi rujukan diri, diikuti oleh strategi rujukan umum.

Tempat ketiga ialah Datuk Jamal, dengan kekerapan sebanyak 14 kali. Beliau menggunakan lima strategi rujukan dan data menunjukkan beliau lebih cenderung menggunakan strategi rujukan diri. Hal ini memperlihatkan trend yang sama dengan ahli panel Dr. Syukri dan Shahril. Radzlan pula mencatatkan kekerapan sebanyak 11 kali, dan beliau mengaplikasikan empat strategi rujukan. Namun demikian, jumlah penanda rujukan amat rendah. Selain itu, moderator dan penonton masing-masing 7 dan 4 kekerapan. Secara keseluruhannya, pengkaji menyimpulkan isu yang dibincangkan kurang mengaplikasikan strategi-strategi Rujukan.

Kebanyakan mereka hanya membuat rujukan diri sendiri. Strategi lain, seperti rujukan ilmuwan dan rujukan buku tidak digunakan. Keadaan ini menggambarkan forum tersebut kering dari segi Sumber Rujukan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis kajian telah mengenal pasti tujuh strategi rujukan dalam Forum Wacana Sinar Harian, iaitu strategi rujukan Islam, strategi rujukan sejarah, strategi rujukan umum, strategi rujukan diri, strategi rujukan buku, strategi rujukan ilmuwan, dan strategi rujukan media. Jumlah kekerapan bagi ketiga-tiga rakaman forum adalah tidak seimbang. Terdapat pelbagai faktor ketidakseimbangan jumlah kekerapan strategi rujukan, antaranya ialah latar belakang ahli panel dan isu yang dibahaskan. Namun demikian, kajian ini juga mendapati bahawa ahli forum perlu memperbanyak penggunaan penanda rujukan agar maklumat yang disampaikan dapat dipertanggungjawabkan. Selain itu, penggunaan penanda rujukan memberi gambaran bahawa forum Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Kerangkraf Sdn. Bhd adalah forum yang menunjukkan amalan kesantunan berbahasa. Namun demikian, ia perlu diperbanyak lagi untuk meningkatkan nilai kesantunan bahasa dalam Forum Wacana Sinar Harian dan sekali gus menaikkan imej ahli forum dan Kerangkraf SDN BHD.

Rujukan

- Abd Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. (Disertasi Sarjana diterbitkan). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asmah Hj Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P., dan Levinson, S., (1987). *Politeness: Some universal in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hashim Musa, (2006). Pengajian bahasa Melayu sebagai wahana ke arah pencapaian ilmu makrifat dan ketaqwaan. Dlm *Mutiara Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imtiaz Hasnain (1993). *Komunikasi: Suatu pendekatan Islam*. dlm. Wimal Dissanayake. *Teori Komunikasi*. (Rahman Hashim, pentj). Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (peny.). (2012). *Prinsip dan aplikasi: Kesantunan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2003). Sekularisasi bahasa belum berakhir. Dlm *Majalah Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Muka surat 28-33.
- Mustafa Hj Daud. (1995). *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid. (2006). Perkembangan pengkajian kesantunan: satu tinjauan. Dlm *Jurnal Bahasa*. 6(4) 657-678, Disember.
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sanat Md Nasir. (2000). *Tatabahasa wacana bahasa Melayu. Kertas kerja seminar kebangsaan tatabahasa wacana bahasa Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 28 Oktober 2000.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kerana memberikan peruntukan untuk menjalankan kajian ini. Semoga Allah SWT memberkati dan melimpahkan rahmat ke atas KUIS.